

SRATEGI MENJAWAB KARANGAN – ISU REMAJA

Jika soalan berkenaan:

- | | |
|---|---|
| 1. Masalah sosial/ jenayah dalam kalangan remaja. | 10. Jenayah seks//rogol/sumbang mahram |
| 2. Vandalisme. | 11. Seks rambang/pergaulan bebas/bohsia/bohjan/homoseksual. |
| 3. Penyalahgunaan dadah. | 12. Keruntuhan akhlak. |
| 4. Pengaruh budaya kuning/Barat. | 13. Merokok. |
| 5. Buli. | 14. Lumba haram/ “Mat Rempit” |
| 6. Lari dari rumah. | 15. Gengsterisme. |
| 7. Lepak. | 16. Ponteng sekolah. |
| 8. Mencuri/merompak/Samun | 17. Pembuangan bayi |
| 9. Ragut | |

ISI – ISI PENTING SECARA UMUM**PUNCA/FAKTOR/SEBAB :****1. Institusi kekeluargaan yang goyah.**

- Hubungan kekeluargaan yang longgar – akibat ibu bapa terlalu sibuk/mementingkan kerjaya hingga mengabaikan anak-anak –“ anak diriba diletakkan, kera di hutan disusui “– tidak menyediakan ruang untuk bermesra dengan anak-anak – anak-anak kurang kasih sayang akan memberontak.
- Ibu bapa menunjukkan contoh teladan yang negatif – pergaduhan suami isteri di hadapan anak-anak/kerap bergaduh /penderaan – emosi anak-anak terganggu – mencari ketenangan di luar rumah – berkenalan dengan remaja liar – akhirnya melakukan jenayah.
- Ibu bapa yang terlalu mengongkong –keluarga yang mengamalkan sikap terlalu tertutup dan menetapkan suatu undang-undang atau peraturan yang perlu diikuti oleh setiap ahli keluarga tanpa kompromi – remaja rasa tertekan – jiwa remaja memberontak – jika berpeluang keluar daripada keadaan itu - mereka akan melakukan apa-apa sahaja yang terlintas di fikiran tanpa berfikir panjang – menggunakan jalan pintas menyelesaikan masalah – lari dari rumah/penyalahgunaan dadah/merokok
- Keluarga yang terlalu memberikan kebebasan ini biasanya bersikap terbuka yang keterlaluan – tiada suatu peraturan atau ketetapan khusus yang diamalkan - keadaan ini juga tidak baik kerana para remaja memerlukan sesuatu yang dapat dijadikan panduan untuk menjalani kehidupan mereka - tanpa panduan, belum tentu mereka dapat melalui kehidupan ini dengan sebaik mungkin - mengakibatkan mereka mudah terjerumus ke arah gejala sosial yang pelbagai kini.
- Ibu bapa yang terlalu memanjakan anak - anak – “bagai menatang minyak yang penuh” – tidak menegur kelakuan anak-anak yang kurang sopan kerana takut anak berkecil hati – mengikut segala kemahuan anak-anak – anak-anak menggunakan kesempatan ini untuk keperluannya berseronok.
- Harapan ibu bapa yang terlalu tinggi – mengharap anak-anak mendapat keputusan cemerlang melebihi keupayaan dirinya – memberikan tekanan – mencari rakan yang dapat menghiburkannya/ kadangkala ibu bapa yang menetapkan jalan hidupnya pada masa akan datang – tidak berpeluang mengikut naluri/cita-cita sendiri – remaja mula memberontak.
- Perceraian ibu bapa amat memberikan kesan mendalam terhadap anak -anak – mereka kehilangan kasih sayang daripada ibu atau bapa. Ibu / bapa tunggal perlu bekerja keras menyara mereka – tidak banyak meluangkan masa bersama mereka – mereka mencari keseronokan di luar.

2. Pengaruh rakan sebaya.

- Tersalah memilih rakan yang bersikap negatif/ mempunyai masalah disiplin – rakan merupakan antara orang yang rapat dengan seseorang remaja – menjadi tempat mereka meluahkan perasaan dan masalah setelah diabaikan oleh keluarga – terpengaruh dengan kelakuan buruk rakan sebaya – tertarik dengan cara rakan mengatasi masalah mereka dengan mudah – vandalisme /penyalahgunaan dadah dll
- Perlakuan negatif ini disokong oleh rakan-rakan – menyebabkan mereka rasa kuat dan berani untuk melakukan aktiviti tersebut lagi – jika ramai penyokong, dia merasakan dirinya popular dan berstatus.
- Menyahut cabaran daripada rakan sebaya - sanggup melakukan apa-apa sahaja untuk mengekalkan persahabatan/menjadi ahli sesuatu kumpulan / takut disingkirkan – diugut dan mendapat balasan jika tidak melakukannya - merokok/penyalahgunaan dadah dll – mereka lupa bahawa “kawan juga kadangkala boleh makan kawan” - dalam keadaan ini ramai remaja terjerumus dalam gejala sosial.

3. Pegangan agama yang rapuh.

- Didikan agama yang kurang – menipiskan tahap keimanan seseorang – didikan agama menjadi benteng yang kukuh untuk menahan diri seseorang untuk melakukan perbuatan yang tidak baik - mereka tidak takut membuat dosa kerana beranggapan perbuatan tersebut tidak mendapat pembalasan Tuhan pada masa itu juga.
- Agama menggariskan panduan hidup perbuatan yang boleh dilakukan dan dilarang – tanpa didikan agama, remaja tidak dapat membezakan antara perbuatan yang baik dan batil/buruk – mereka tidak dapat bertindak secara rasional dan lebih suka mengikut emosi untuk mengatasi sesuatu masalah – mudah terikut-ikut dengan keadaan persekitaran yang tidak sihat/ terpengaruh dengan gejala sosial.

4. Pengaruh media massa (media cetak, media elektronik, internet dll)

- Media elektronik menayangkan rancangan yang ada unsur keganasan – kebanyakan remaja suka menonton televisyen – terpengaruh dengan watak antagonis /jahat – memberikan idea untuk melakukan gejala sosial.
- Rancangan yang diimport dari Barat yang sering memaparkan gaya hidup yang bebas/mewah – remaja mula meniru cara hidup sedemikian.
- Banyak rancangan dari Barat memaparkan remaja berani melawan nasihat ibu bapa kerana memperjuangkan hak kebebasan mereka – nilai hormat-menghormati semakin luntur antara ahli keluarga.
- Rancangan memaparkan adegan-adegan yang mencolok mata dan mengghairahkan, lebih-lebih lagi bagi siaran yang berbayar.
- Rancangan televisyen sebegini seolah-olah memberikan satu fahaman bahawa orang ramai boleh mengadakan seks rambang selagi tidak ada pencabulan hak dan kebebasan antara dua pihak. Budaya seperti inilah yang mendedahkan remaja kepada penyakit-penyakit kelamin yang berbahaya.
- Lambakan bahan picesan yang berunsurkan seks – mudah didapati kerana dijual di merata-rata tempat – harganya murah dan mampu dibeli oleh remaja.
- Selain video cakera padat (VCD), bahan-bahan pornografi juga mudah didapati melalui internet yang sukar dibuat tapisan oleh pihak yang berwajib.
- Media massa juga menyampaikan maklumat tentang fesyen-fesyen terkini – remaja yang terpengaruh akan mula meniru fesyen tersebut – kebanyakannya mencolok mata – menyebabkan kes rogol.
- Budaya kuning dari Barat disebarkan melalui media massa - memperkenalkan cara hidup yang pincang seperti “Hip-hop”, “punk”, “hippies”, “black metal”, “pink metal”, “one night stand”, seks bebas.

5. Sikap remaja itu sendiri.

- Perasaan ingin mencuba – naluri manusia yang normal untuk mencuba sesuatu yang baru bagi mendapatkan kesannya/dapat memuaskan nafsu ingin tahu – tidak dapat memisahkan diri daripada perkara tersebut yang pada asalnya sekadar ingin mencuba - menjadi “darah daging”.
- Sikap remaja juga dahaga akan keseronokan – apa-apa sahaja benda-benda yang memberikan keseronokan kepada mereka akan dilakukan sama ada kerana terikut-ikut dengan sikap kawan-kawan atau pilihan sendiri. Hal menyebabkan remaja terlibat dengan rokok, pergaulan bebas, lepak, mat rempit, dadah dan sebagainya – ketika ini perkara yang terlintas di pemikiran mereka hanya keseronokan tanpa memikirkan akibat perbuatan mereka itu kelak.
- Tidak mahu mendengar nasihat ibu bapa – “bagai mencurahkan air ke daun keladi” - berasa diri mereka sudah dewasa dan berhak membuat keputusan sendiri – tidak suka ibu bapa mencampuri hal mereka.
- Lebih suka mendengar nasihat/pandangan rakan/kekasih – berasa seronok apabila bersama mereka kerana bebas membuat apa-apa yang digemari tanpa pengawasan ibu bapa.
- Sikap kurang berkeyakinan kepada diri sendiri menyebabkan mereka bergantung kepada rakan-rakan membuat keputusan atau mengikut sahaja telunjuk mereka.
- Mangsa penderaan yang ingin mengurangkan tekanan perasaan juga akan melakukan aktiviti-aktiviti tidak sihat ini.

6. Sikap masyarakat

- Sebahagian masyarakat bersikap apati (tidak peduli), individualistik dan materialistik - remaja ialah produk sistem sesebuah masyarakat - masyarakat yang pincang akhirnya akan melahirkan produk yang pincang.
- Sikap sesetengah masyarakat kini yang mementingkan soal kebendaan dan tidak ambil peduli terhadap isu-isu sosial sememangnya merumitkan masalah yang sedia wujud.
- Menurut kajian, kebanyakan masalah sosial banyak berlaku di bandar - golongan remaja melakukan gejala sosial bukannya tidak terpelajar tetapi generasi yang dilahirkan di bandar sukar dikawal.
- Di kawasan bandar sesetengah penduduknya tidak ambil peduli terhadap apa-apa perkara yang berlaku di sekeliling mereka - golongan remaja merasakan diri mereka bebas untuk meneruskan gejala negatif ini kerana mereka tahu tiada sesiapa yang mepedulikannya.

KESAN / IMPLIKASI / MASALAH YANG TIMBUL:

1. Mengguat kesejahteraan sosial.

- Remaja menjadi liar - melakukan pelbagai gejala sosial tanpa perasaan bersalah – mengganggu ketenteraman awam – orang ramai berasa tidak selamat – sentiasa bimbang akan keselamatan diri dan keluarga – menjadi mangsa remaja bermasalah.

2. Membantutkan pembangunan negara.

- Remaja tidak berupaya memberikan sumbangan kepada negara – terjebak dengan kegiatan yang merosakkan diri seperti penyalahgunaan dadah – remaja menjadi tulang belakang kemajuan negara – menggagalkan usaha kerajaan melaksanakan dasar-dasar pembangunan dengan berjaya seperti RMK -9 – negara tidak lagi memiliki modal insan yang berkualiti untuk menggerakkan ekonomi negara tidak mempunyai daya saing yang kuat.

3. Menjejaskan imej negara.

- Negara-negara lain akan memandang rendah kredibiliti negara kita – gagal menangani masalah sosial negara – masalah sosial yang membabitkan pelancong asing – ragut/vandalisme dll – mengurangkan minat mereka untuk kembali melancong di sini – menceritakan kepada rakan-rakan yang lain – media massa asing mengheboh-hebohkan perkara tersebut - menjejaskan imej negara.

4. Mencemarkan maruah keluarga.

- Kerana nila setitik, rosak susu belanga – masyarakat hilang kepercayaan terhadap keluarga tersebut – maruah keluarga tercalar/jatuh dengan tindakan remaja tersebut – “menconteng arang ke muka” – menjejaskan masa depan adik-beradik yang lain – lebih teruk lagi jika menjejaskan emosi ahli keluarga yang tidak dapat menerima tekanan daripada masyarakat – mengambil masa yang lama untuk memulihkan/mengembalikan maruah keluarga.

5. Menjejaskan masa depan remaja .

- Terlibat dalam gejala sosial menyebabkan mereka menjadi sampah masyarakat – dipandang hina –remaja tidak mempunyai hala tuju / matlamat yang jelas pada masa depan – tidak bercita-cita tinggi –jika sudah insaf – sukar mendapat kepercayaan daripada masyarakat lagi/memandang serong – sukar mendapatkan pekerjaan – disisihkan keluarga yang tidak dapat menerima kelakuan mereka – hidup yang terumbang-ambing – akhirnya membunuh diri atau melibatkan diri secara serius apabila dewasa – menjadi musuh negara.

LANGKAH MENGATASI/MENANGANI/MEBENDUNG:

1. Peranan intitusi kekeluargaan.

- Hubungan kekeluargaan - Ibu bapa ubah paradigma/cara berfikir untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan – tidak terlalu mengongkong/terlalu memanjakan akan-anak – kebebasan yang diberikan perlu ada batasan
- Meluangkan masa dengan anak-anak – mendengar masalah mereka – menjadi sahabat mereka – membawa keluarga bercuti – melakukan aktiviti yang menarik .
- Ibu bapa perlu mengenali rakan anak-anak remaja mereka - jika perlu, sesekali meminta anak-anak supaya membawa rakan-rakan mereka ke rumah supaya dapat mengetahui latar belakang dan tingkah laku kawan-kawannya – memberikan nasihat jika ibu bapa mendapati kawan-kawan anak mereka mencurigakan dan dapat membawa masalah pada kemudian hari.
- Pendidikan agama - Menerapkan didikan agama dan nilai-nilai murni dalam keluarga – sejak anak-anak masih kecil – dapat membantu anak-anak terjebak ke kancah gejala sosial – mempunyai benteng keimanan yang kukuh.
- Sentiasa prihatin dengan perubahan sikap anak -anak – cara berpakaian/pertuturan/fizikal – menasihati dengan cara berhemah dan tidak memarahi secara melulu jika anak -anak telah berubah ke arah yang tidak sihat.
- Menjadi model kepada anak-anak – menunjukkan teladan yang baik – anak-anak berkelakuan seperti ibu bapanya – pendidikan bermula dari rumah - bapa borek, anak rintik/ ke mana jatuhnya kuah, kalau tidak ke nasi/bagaimana acuan, begitulah kuihnya.
- Ibu bapa perlu sentiasa menambahkan ilmu /kemahiran mendidik anak-anak/menjadi ibu bapa cemerlang – Seminar Keibubapaan – dengan ilmu yang ada dapat menangani segala masalah anak -anak muda zaman sekarang dengan bijak.

2. Peranan masyarakat.

- Memberi sokongan padu terhadap semua program yang dianjurkan oleh kerajaan- tidak memandang enteng segala kempen anjuran kerajaan-sama-sama turut serta – tidak memberikan pelbagai alasan untuk lari dari tanggungjawab – sibuk/banyak kerja.
- Membantu membimbing remaja yang tersalah langkah – tidak mengamalkan sikap mementingkan diri sendiri kerana beranggapan mereka bukan ahli keluarga sendiri – bersikap seperti enau dalam belukar , melepaskan pucuk masing-masing– mereka mungkin dapat mempengaruhi anak-anak kita – “jangan sudah terhantuk, baru terngadah” / “nasi sudah menjadi bubur”.

- Menerima kembali remaja yang telah insaf dengan hati terbuka – “bumi mana tidak ditimpa hujan” - tidak memandang hina / memulaukan mereka – memberikan peluang untuk mereka berubah – pekerjaan/kepercayaan – supaya mereka tidak kembali melakukan kegiatan lalu.
- Mengaktifkan/ menubuhkan Rukun Tetangga (RT) di kawasan tempat tinggal – RT merupakan satu program sukarela yang bertujuan untuk membantu dalam pembangunan masyarakat setempat di Malaysia – Peranan utama RT adalah untuk menganjurkan kumpulan-kumpulan rondaan yang bertugas pada waktu malam untuk mengurangkan kegiatan jenayah di sekitar kawasan kejiranan – anggota kumpulan rondaan biasanya dianggotai oleh ahli-ahli masyarakat di kawasan kejiranan tersebut – jika RT aktif menjalankan rondaan, gejala sosial dapat dikurangkan.

3. Peranan sekolah.

- Pihak sekolah mengenal pasti pelajar bermasalah disiplin – untuk memantau kelakuan mereka – untuk diberikan khidmat kaunseling – pihak sekolah memberikan sokongan moral – mengadakan kem motivasi.
- Sentiasa memaklumkan kes salah laku kepada ibu bapa – perbincangan antara pihak sekolah dan ibu bapa diadakan – komunikasi dua hala dapat mengelakkan salah faham – penyelesaian dapat ditentukan.
- Pelajar yang bermasalah diberikan hukuman berbentuk kerja amal – mengurangkan hukuman berbentuk fizikal – mengelakkan pelajar terlalu tertekan dan memberontak – mengurangkan kadar keciciran kerana diberhentikan/berhenti sekolah.
- Menggalakkan pelajar menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah – memenuhi masa dengan berfaedah – menimba pengalaman untuk bekerjasama, memimpin dan bertoleransi.

4. Peranan media massa.

- Media massa sebagai wahana menyampaikan informasi terkini berhati-hati memilih bahan yang ingin ditayangkan/diterbitkan – tidak terlalu bersikap terbuka dengan memilih bahan-bahan dari luar negara.
- Mengutamakan bahan yang bermutu - tidak memilih bahan/rancangan yang diimport dari Barat – lebih sensitif dengan norma-norma masyarakat timur.
- Tidak mementingkan keuntungan semata-mata/tidak mementingkan rancangan/bahan yang berbentuk komersial sahaja – menghadkan rancangan yang bercorak hiburan – perlu menyelitkan rancangan/bahan yang berunsurkan pendidikan / ilmiah.

5. Peranan kerajaan.

- Melancarkan pelbagai kempen/program untuk pembangunan masyarakat, keluarga dan remaja.
- Kempen Antibuli/Hari Tanpa Tembakau/Rumahku, Syurgaku/Program Rakan Muda/Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) /Kempen Antidadah (pilih yang bersesuaian dengan isu) – dapat mengurangkan masalah sosial dalam kalangan remaja. Melalui kempen ini, remaja mendapat penerangan yang jelas tentang sesuatu isu (dadah/buli/AIDS). Program Rakan Muda mendedahkan remaja dengan cara hidup yang sihat / remaja dilatih untuk berdisiplin menerusi PLKN.
- Menguar-uarkan kempen hingga ke kawasan luar bandar – memberikan peluang kepada remaja di luar bandar untuk mengetahui informasi-informasi terkini tentang sesuatu isu – ramai dalam kalangan mereka yang akan berhijrah ke bandar – kejutan budaya dapat dikurangkan/lebih berhati-hati.

Pengenalan/Pendahuluan secara umum : Pelbagai jenis pendahuluan dapat digunakan

Kini, masalah sosial dalam kalangan remaja semakin menjadi-jadi di negara kita. Setiap hari, berita tentang perkara tersebut terpampang di dada-dada akhbar. Ada antara masalah tersebut telah menjadi kes polis. Apakah punca/ sebab/ faktor yang menyebabkan mereka melakukan perkara tersebut? Apakah implikasi/kesannya daripada gejala tersebut? Apakah langkah yang perlu diambil bagi menangani masalah tersebut?

Penutup secara umum : Cadangan dan harapan.

Semua pihak perlu bekerjasama/berganding bahu menanganikan gejala sosial dalam kalangan remaja ini supaya tidak menjadi lebih serius lagi. Hal ini demikian kerana remaja merupakan aset yang sangat bernilai untuk membangunkan/menerajui negara pada masa akan datang. Remaja juga akan memastikan kedaulatan negara sentiasa terpelihara di samping meneruskan tradisi dan budaya bangsa.

SASARAN SAYA BM SPM 200__ (1A/2A/3B/4B/5C/6C/7D/8E/9G)
PILIHAN DI TANGAN ANDA.